



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE-187 BIL. 35/2025

NOTIS PENGISYTIHARAN PEMBUBARAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
SESI 2024/2025

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Adalah dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (SPMPP-UMPSA) ingin mengumumkan pada hari **ISNIN, 6 OKTOBER 2025** berdasarkan peruntukan di bawah perkara 40 (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Peraturan – Peraturan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar), maka dengan ini diisytiharkan bahawa **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah** adalah **DIBUBARKAN**.

Oleh itu, pembubaran rasmi MPP **berkuatkuasa serta merta** selepas notis pembubaran MPP ini dikeluarkan. Berikutan itu juga bagi pemegang jawatan **MPP interim** akan terus memegang jawatan masing – masing sehingga pembentukan kabinet baru MPP diumumkan oleh Naib Canselor.

Sehubungan dengan pemakluman pembubaran ini, seluruh warga universiti diharapkan mengambil maklum serta memberi kerjasama dengan baik supaya tugas dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Sekian, Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT”

“KEBANGKITAN MAHASISWA, MEMBENTUK GELOMBANG PERUBAHAN”

SURUHANJAYA PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
SESI 2025/2026

6 OKTOBER 2025